

26/01/1998

IPT turut laksana langkah penjimatan

Syuhada Choo Abdullah

SEPANJANG 365 hari dalam tahun ini adalah tempoh yang penuh cabaran kepada jentera kerajaan dan segenap lapisan rakyat secara keseluruhannya untuk mengharungi rintangan kegawatan ekonomi negara.

Kejatuhan nilai mata wang ringgit serta pasaran saham bukan hanya memberi tamparan hebat kepada sektor korporat tanah air, malah institusi pendidikan tempatan turut tidak terkecuali daripada tempiasan kesannya.

Bagaimanapun, semua pihak wajar berfikiran positif serta berpegang teguh terhadap keyakinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa ekonomi negara akan pulih sekurang-kurangnya ke tahap sederhana dalam tempoh enam sehingga 12 bulan jika rakyat menaruh kepercayaan penuh terhadap nilai ringgit dan pasaran saham negara.

Tambahan pula, Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) tidak menolak hakikat bahawa langkah yang diambil oleh Malaysia dalam mempertahankan ekonominya adalah wajar dan bertepatan.

Justeru, tindakan segera kerajaan melaksanakan dasar belanjawan berhemat dan menyeru ke arah penjimatan memang harus mendapat sokongan serta dukungan padu daripada rakyat.

Usaha penjimatan Kementerian Pendidikan sehingga 20 peratus pastinya akan menjadi suatu cabaran dan dugaan hebat kerana terpaksa memastikan operasi keseluruhan institusi pendidikan awam di negara ini mampu terus berjalan lancar dengan peruntukan yang terhad.

Bagi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pula, keadaan mungkin lebih genting kerana perbelanjaan besar sering diperlukan untuk tujuan pembangunan semasa akademik dan fizikal.

Bagaimanapun, situasi sedemikian secara tidak langsung boleh menguji kreativiti sesebuah IPTA berkenaan untuk berdepan dan bertahan dengan cabaran berkenaan.

"Dalam menghadapi keadaan sebegini, universiti tempatan boleh berikhtiar untuk mencari kaedah baru memanfaatkan kemudahan sedia ada dengan lebih berkesan serta menguntungkan.

"Ini kerana kerajaan membelanjakan peruntukan berjuta-juta ringgit bagimenyediakan kemudahan diperlukan seperti bilik kuliah serta kelengkapan pengajaran dan pembelajaran yang membabitkan kos besar.

"Sehubungan itu, adalah diharapkan supaya semua kemudahan berkenaan dapat digunakan secara lebih berkesan serta optimum seperti termasuk ketika musim cuti panjang atau hujung minggu.

"Jika kita memiliki kapasiti serta utiliti yang boleh digunakan sebagai antara sumber pendapatan tetapi kita tidak memanfaatkan peluang berkenaan, itu adalah suatu pembaziran," kata Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr Fong Chan Onn, ketika ditemui baru-baru ini.

Justeru, beliau menyarankan kepada semua IPTA supaya mengadakan kuliah ataupun kursus pada waktu cuti atau hari minggu untuk mereka yang sedang bekerja.

Menurutnya, langkah sedemikian bukan saja membuka peluang lebih luas kepada golongan pekerja untuk mendalami ilmu pengetahuan tetapi secara langsung juga menjadi sumber kewangan baru kepada pihak universiti.

Namun, ada segelintir pihak pengurusan IPTA yang meminta kementerian mempertimbangkan kemungkinan mengurangkan kadar penjimatan kepada 10 peratus saja.

Alasannya, bertujuan 'meringankan' bebanan kewangan untuk melaksanakan program diperlukan, lebih-lebih lagi dalam membuat persediaan menampung

pelajar yang terpaksa membatalkan rancangan mengikuti pengajian di luar negara.

Mengulas mengenai perkara berkenaan, Dr Fong berkata, dasar penjimatan yang dilaksanakan oleh kerajaan itu perlu dipatuhi dengan berkesan demi memulihkan ekonomi negara dengan segera.

"Kementerian berharap walaupun ada pemotongan dalam peruntukan, pihak universiti boleh memanfaatkan kemudahan dimiliki secara berkesan sebagai sumber yang dapat menyumbang kepada kewangan mereka di samping memastikan program bagi melahirkan graduan berkualiti tidak terjejas," katanya.

Sementara itu, kebanyakan IPTA didapati sudahpun mula mengorak langkah untuk melaksanakan pelbagai program berjimat cermat masing-masing.

Bagi Timbalan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Rahim Md Sail, tahun ini adalah tahun sangat mencabar sehingga memerlukan semua pihak memperluaskan daya pemikiran, inovatif serta kreativiti masing-masing untuk berdepan dengan kemelut kewangan negara.

Sehubungan itu, beliau berkata, pihaknya sudah menetapkan untuk mengambil langkah penjimatan tertentu seperti mengadakan aktiviti pembangunan pelajar di dalam kampus supaya tidak membabitkan kos tinggi, manakala pembinaan bangunan baru pula ditangguhkan sementara.

Memetik daripada Warta Putra UPM keluaran 10 Januari lalu, Perbendaharaan sudah mengeluarkan arahan supaya perbelanjaan mengurus universiti berkenaan untuk tahun ini dipotong sebanyak 22 peratus daripada jumlah RM147,493,200.

Penerapan budaya elektronik bagi tujuan perhubungan pula dipertingkatkan dan dimantapkan berikutan UPM mempunyai sistem pengkomputeran diperlukan, iaitu UPMNET, manakala perisian Lotus Notes perlu digunakan dengan lebih kerap serta penggunaan kertas dikurangkan bagi menjimatkan perbelanjaan.

Selain itu, perjalanan, mesyuarat, bengkel dan seminar di luar negara yang membabitkan pembiayaan kerajaan dikurangkan; sebarang majlis atau upacara rasmi anjuran fakulti, pusat atau bahagian hendaklah dihadkan kepada yang benar-benar penting saja; semua percetakan akan dibuat sendiri oleh pihak universiti; serta kursus dalam perkhidmatan hanya ditumpukan kepada bidang kritikal, terutama teknologi maklumat.

Tindakan sedemikian perlu berikutan peruntukan pembangunan tahun ini dipotong sebanyak 23 peratus daripada jumlah yang dimohon berdasarkan projek akan dilaksanakan.

Timbalan Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Osman Bakar, berkata pekeliling dikeluarkan kepada semua pihak di universiti itu, termasuk kakitangan akademik dan sokongan serta pelajar, mengenai pelaksanaan kempen berjimat cermat.

"Pihak pengurusan UM ada berbincang dan mengenal pasti beberapa perkara berkaitan bagi tahun ini, termasuk memotong peruntukan persidangan sebanyak 60 peratus daripada jumlah RM1 juta.

"Selain itu, cuti belajar untuk pensyarah mengikuti pengajian peringkat sarjana serta doktor falsafah (PhD) di luar negara seperti Amerika Syarikat dan England, juga akan ditangguhkan walaupun mereka sudah memperoleh tempat serta pengurusan memberi kelulusan, kerana membabitkan perbelanjaan tinggi.

"Bagaimanapun, pihak universiti tetap menggalak serta meneruskan program di dalam negara dan pensyarah terbabit boleh memasuki institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan jika ingin melanjutkan pelajaran dalam tahun ini.

"Namun jika masih mahu ke luar negara, mereka perlu tunggu sehingga masa sesuai," katanya.

Langkah selanjutnya ialah pemotongan 30 peratus ke atas peruntukan tahunan sebanyak RM1 juta bagi penyelidikan jangka pendek membabitkan tempoh siap setahun dan tidak melebihi kos RM20,000, dengan keutamaan diberi kepada pensyarah muda yang belum bergelar Profesor Madya atau

Profesor.

Di samping itu, UM turut menggalakkan pensyarah membuat cuti sabbatical di dalam negara kecuali jika mereka memperoleh bantuan daripada pihak luar.

Menurut Dr Osman, Bendahari UM mengatur strategi umum serampang dua mata bagi menghadapi keadaan sekarang, iaitu langkah penjimatan dan mengurangkan kos tetapi pada masa sama mempertingkatkan produktiviti.

"Contoh, UM akan mempertingkatkan jumlah pengambilan pelajar sebanyak 30 peratus pada sesi depan dan menampungnya dengan peralatan dan tenaga pengajar sedia ada, tanpa menambah bilangan pensyarah.

"Pihak universiti seboleh-bolehnya tidak mahu mengambil pensyarah baru untuk tahun depan kecuali bagi bidang genting seperti perubatan serta teknologi maklumat (IT)," katanya.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman, berkata pihaknya juga tidak ketinggalan memberi perhatian serius terhadap seruan belanjawan berhemat, lalu menggariskan beberapa langkah khusus bagi menangani masalah kegawatan ekonomi negara.

Antaranya ialah mengurangkan dan jika perlu, memberhentikan perjalanan kakitangan di dalam serta luar negara yang dianggap tidak penting dengan memastikan kecemerlangan pencapaian akademik tidak terjejas.

"UMS juga sedang giat berusaha meningkatkan produktiviti dan mutu kerja kakitangan dengan mengadakan pelbagai kegiatan seperti pelaksanaan pengurusan berkualiti, kawalan lebih rapi serta mengadakan program latihan dalaman," katanya.

Sementara itu, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pula mengambil keputusan untuk menangguhkan kelulusan cuti belajar kakitangan akademiknya ke luar negara sebagai strategi perbelanjaan berhemat, tahun ini.

Bendahari UTM, Mohamed Abdullah, berkata langkah itu sebagai menyokong usaha kerajaan membendung masalah kegawatan ekonomi tanpa menjejaskan prestasi semasa universiti.

Menurutnya, batas perbelanjaan yang diluluskan oleh kerajaan untuk tempoh sepanjang tahun ini menyebabkan UTM perlu mencari sumber tambahan bagi menampung aktiviti yang sedang berjalan.

"Keperluan ini lebih mendesak apabila IPTA dikehendaki memperbesarkan kapasiti bagi menyerap bilangan pelajar yang tidak dihantar ke luar negara," katanya.

Di samping itu untuk tahun ini, UTM juga menangguhkan kelulusan cuti belajar kakitangan pentadbiran dan pembelian harta tetap yang kurang kritikal; semua permohonan persaraan awal di atas pilihan sendiri oleh pegawai dan kakitangan ditangguhkan untuk sementara waktu; serta pertukaran pegawai dan kakitangan dari kampus UTM di Skudai ke Kuala Lumpur atau sebaliknya tidak akan diberi keutamaan.

(END)